Publication: Berita Harian, Pg 16

Date: 13 July 2017

Headline: Graduating despite feeling 'awkward' when she first entered SMU from madrasah

Jaya genggam ijazah walau 'kekok' masuk SMU dari madrasah

KEKOK bercampur pelajar lelaki. Sukar menghabiskan bahan bacaan yang diperlukan.

Itulah antara masalah yang dihadapi Cik Amalina Abdul Nasir apabila menyambungkan pelajaran di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Maklumlah, beliau belajar di Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, yang tiada pelajar lelaki, hingga GCE peringkat 'A'.

Namun, dengan kerja keras dan dengan bantuan kawan-kawannya di SMU yang sering mendorongnya dan membantu memastikan beliau selesa dengan kehidupan di universiti itu, Cik Amalina berjaya lulus ijazah sarjana muda sains kemasyarakatan, dengan pengkhususan dalam bidang sosiologi dan perhubungan korporat.

Menurut Cik Amalina, 23 tahun, beliau mengambil masa dua semester untuk menyesuaikan diri di SMU.

"Memang kekok sedikit kerana saya dari madrasah yang semua pelajarnya perempuan. Jadi dari segi pergaulan, memang sukar," ujarMeskipun pelajar kedua terbaik dalam kohortnya di madrasah dan terdedah kepada sistem pembelajaran madrasah yang memerlukannya mengambil pelbagai subjek, suasana pembelajaran di SMU amat berbeza bagi Cik Amalina

Antara lain, Cik Amalina beberapa kali terpaksa berada di perpustakaan sekolah hingga 1 pagi untuk memastikan beliau dapat menghabiskan bahan bacaan yang diperluMAMPU GENG-GAM IJAZAH: Cik Amalina Abdul Nasir berjaya menggenggam ijazah sarjana muda Sains Kemasyarakatan dengan pengkhususan dalam sosiologi dan perhubungan korporat manakala Encik Muhammad Hafiz Kasman pula meraih kepujian tertinggi SMU – Summa Cum Laude bagi ijazah sarjana muda pengurusan perniagaan dengan pengkhususan dalam kewangan dari Universiti Pengurusan Singapura (SMU). – Foto JOHARI RAHMATkan bagi kursusnya atau menelaah pelajaran.

Menyingkap kembali laluan akademiknya di SMU, Cik Amalina berkata beliau bersyukur kerana diberi pelbagai peluang sepanjang pengajiannya di sana.

Beliau sekarang lebih yakin ketika berinteraksi dengan orang lain.

Malah, Cik Amalina tidak menyangka beliau mempunyai keupayaan memimpin hingga terpilih menjadi presiden Kelab Bahasa dan Budaya Melayu SMU.

Anak pasangan suami isteri yang bekerja dalam bidang kewangan ini juga berpeluang bekerja sambil belajar di Mahkamah Syariah.

"Ia pengalaman paling bermakna bagi saya kerana saya dapat memanfaatkan pengetahuan saya dalam kededua bidang, Syariah dan kemahiran penyelidikan sebagai pelajar sosiologi," katanya.

Bahkan, untuk mengimbangi pengajian ukhrawi dan duniawi, beliau mengikuti secara sambilan program ijazah sarjana muda undang-undang Islam di Kolej Islam Muhammadiyah.

Memandang ke hadapan, Cik Amalina berkata beliau berminat meneruskan pengajiannya di peringkat sarjana di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS).